

SULIT

LOGO SEKOLAH

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN XXXXXXXXX
KULAI, JOHOR

SET 2

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Oktober

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

3756/1 © 2020

- 1 Maklumat di bawah ini merujuk kepada fungsi suatu badan perakaunan

- Ditubuhkan pada tahun 1960 di bawah seksyen 3 Akta Akauntan 1967
- Mempromosi dan mempopularkan profesion perakaunan

- A Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
- B Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- C Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)
- D Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- 2 Luca Pacioli memperkenalkan _____ melalui buku “Summa de Arithmetica, Geometria, Proportione et Proportionalita”
- A Buku Matematik
- B Rekod Perakaunan
- C Peraturan Perniagaan
- D Sistem Catatan Bergu

- 3 Antara berikut yang manakah **betul** berkaitan dengan pengguna Penyata Kewangan?

	Pengguna Dalaman	Pengguna Luaran
A	Pembekal	Pemilik
B	Kesatuan sekerja	Pengarah Urusan
C	Pekerja	Pesaing
D	Pelabur	Pengurus Strategi

- 4 Pernyataan manakah yang merupakan ciri milikan tunggal?

- A Liabiliti terhad
- B Modal disumbangkan oleh pemilik perniagaan
- C Diuruskan oleh pekongsi aktif
- D Berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965

[Lihat halaman sebelah

SULIT

5 Antara berikut, manakah merupakan komponen dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Inventori akhir, Faedah simpanan dan Overdraf bank
- B Pulangan masuk, Jualan dan Hutang ragu
- C Jualan, Hutang lapuk dan Pinjaman
- D Modal, Inventori Alat tulis dan Akaun Belum Terima

6 Antara berikut yang manakah **bukan** belanja bukan operasi bagi Kedai Komputer Johana?

- A Faedah overdraf bank
- B Faedah pinjaman bank
- C Rugi pelupusan aset
- D Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu

7 Jadual di bawah merupakan kesan bagi satu urusan niaga:

Akaun	Kesan
Liabiliti	Bertambah
Aset	Bertambah

Antara urusan niaga berikut, yang manakah mempunyai kesan seperti di atas?

- A Membawa masuk tunai ke dalam perniagaan
- B Menjual perabot lama secara kredit kepada Puan Mia Adriana
- C Membeli lori terpakai secara kredit daripada Perniagaan Gahmuda
- D Mengambil alat pendingin hawa di pejabat untuk kegunaan rumah

8 Carta Akaun Syarikat Maju Putra adalah seperti berikut


Kod	Akaun
1000 - 1999	Hasil
2000 - 2999	Belanja
3000 - 3999	Aset
4000 - 4999	Liabiliti

Yang manakah antara kod di bawah sesuai untuk Akaun Inventori Alat Tulis?

- A 1008
- B 2008
- C 3008
- D 4008

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 9 Antara yang berikut, yang manakah fungsi dokumen perniagaan?
- I Sumber maklumat perakaunan
 - II Rujukan kepada pemegang-pemegang saham
 - III Memberi maklumat tentang sesuatu urusan niaga
 - IV Mengingatkan peniaga tentang hutang
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 10 Chae Har ialah seorang peniaga. Invois yang diterima oleh Chae Har terlebih nilai. Apakah dokumen yang digunakan untuk membetulkan kesilapan tersebut?
- A Nota Debit
 - B Nota Kredit
 - C Makluman Debit
 - D Makluman Kredit
- 11 Rajah 1 menunjukkan suatu aliran urusan niaga seorang peniaga.



Dokumen X adalah berkaitan dengan barang niaga yang dipulangkan kepada pembekal. Dokumen Y adalah berkaitan dengan barang yang dijual secara kredit. Dokumen Z adalah berkaitan dengan barang niaga yang dipulangkan oleh pembeli.

	Dokumen X	Dokumen Y	Dokumen Z
A	Nota Debit	Invois	Nota Debit
B	Nota Kredit	Invois	Nota Kredit
C	Nota Debit	Baucer	Nota Debit
D	Nota Kredit	Baucer	Nota Kredit

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 12 Kedai Perabot Boon Hwa menjual van terpakai secara kredit kepada Makmur Catering. Buku Catatan Pertama yang manakah digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?
- A Jurnal Am
B Jurnal Jualan
C Jurnal Pulangan Jualan
D Buku Tunai
- 13 Antara yang berikut, urus niaga yang manakah dicatatkan dalam Jurnal Am?
- I Membayar sewa kediaman dengan tunai perniagaan
II Membeli sebuah van secara kredit untuk perniagaan
III Mengambil tunai perniagaan untuk kegunaan peribadi
IV Membawa masuk sebuah komputer peribadi ke dalam perniagaan
- A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV
- 14 Kedai Perabot Muthu telah menghantar nota kredit kepada pelanggannya.

SALINAN		NOTA KREDIT		No. 121
		Kedai Perabot Muthu		
		332, Jalan Pasir, 8000 Johor Bahru		
				Tarikh : 7 April 2019
Kepada Pemborong Ismail 14, Jalan Bawang Merah 81000 Johor Bahru				
Akaun tuan/puan akan dikreditkan seperti berikut:				
Kuantiti	Butir	Harga seunit	Jumlah	
10	Almari rosak	195	1 950	
Kurang 20% diskaun niaga			390	
			1 560	
(Ringgit Malaysia : Seribu lima ratus dan enam puluh sahaja)				
				muthu Pengurus

Buku catatan yang sesuai untuk merekodkan butiran dokumen itu ialah

- A Jurnal Jualan
B Jurnal Belian
C Jurnal Pulangan Belian
D Jurnal Pulangan Jualan

[Lihat halaman sebelah

SULIT

15 Urus niaga yang manakah direkod dalam Buku Tunai sebelah kredit?

- I Menerima bayaran daripada pelanggan
- II Menjelaskan hutang kepada pembekal
- III Mengambil wang perniagaan untuk kegunaan peribadi
- IV Membawa masuk wang peribadi ke dalam perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Data berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit sebuah perniagaan.

		RM
1 Januari 2019	Jumlah penerimaan	200
1 Jan – 31 Jan 2019	Jumlah pembayaran	170
1 Februari 2019	Baki akhir	30

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM30
- B RM170
- C RM200
- D RM370

17 Antara berikut, pernyataan manakah yang benar mengenai lejar?

- A Menyenaraikan kos jualan untuk mengira keuntungan perniagaan
- B Merekodkan hasil dan belanja untuk mengira keuntungan perniagaan
- C Menghasilkan semua pendapatan dan perbelanjaan dalam tempoh perakaunan
- D Mengandungi pelbagai jenis akaun yang akan digunakan untuk merekodkan urus niaga

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 18 Encik Kamal seorang peniaga kedai runcit telah membayar bil elektrik rumah kediamannya secara tunai dengan menggunakan wang perniagaan. Apakah catatan bergu bagi urus niaga tersebut?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Ambilan	Tunai
B	Ambilan	Modal
C	Kadar bayaran	Tunai
D	Kadar bayaran	Modal

- 19 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Maju.Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Bayar			
2020	RM	2020	RM
Ogos 31 Bank	3 610	Ogos 1 Baki b/b	7 780
Baki h/b	6 140		

Diskaun diberi RM550 belum direkodkan. Berapakah belian kredit?

- A RM1 090
 B RM1 420
 C RM1 970
 D RM2 520
- 20 Butiran manakah yang disenaraikan di bahagian debit Imbangan Duga?
- A Jualan
 B Dividen
 C Pulangan keluar
 D Pulangan masuk
- 21 Sistem Inventori Berterusan mempunyai kebaikannya. Apakah kebaikan sistem inventori berterusan ini?
- A Amaun inventori diperoleh pada akhir tempoh perakaunan
 B Sistem ini digunakan oleh perniagaan berskala kecil dan sederhana
 C Pergerakan inventori direkodkan secara terperinci, nilai dan kuantiti sentiasa dikemaskinikan
 D Pengiraan inventori dibuat pada hujung sesuatu tempoh ditentukan dengan membuat pengiraan secara fizikal

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 22 Inventori Kedai Aksesori Kereta Ah Siang pada 31 Jun 2020 adalah seperti berikut:

Kad Inventori	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Kad Inventori 1	2 450	4 920
Kad Inventori 2	1 740	1 760
Kad Inventori 3	1 590	1 380

Berapakah nilai inventori akhir yang direkodkan dalam Penyata Kewangan?

- A RM5 570
 B RM5 780
 C RM8 060
 D RM8 270
- 23 Antara berikut, butir manakah merupakan komponen jualan bersih dalam Akaun Perdagangan?
- A Inventori akhir
 B Pulangan masuk
 C Pulangan keluar
 D Angkutan masuk
- 24 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Encik Maniam.

	RM
Kenderaan	14 000
Akaun belum terima	3 600
Overdraf bank	5 000
Pinjaman	8 000
Akaun belum bayar	900
Inventori akhir	12 300
Modal awal	50 000
Tunai	800

Kirakan modal kerja.

- A RM10 800
 B RM12 800
 C RM16 800
 D RM33 200

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 25 Akaun manakah yang ditutup selepas pelarasan dengan memindahkan jumlah ke Akaun Untung Rugi?

- I Akaun Belian
- II Akaun Pengiklanan
- III Akaun Faedah Simpanan
- IV Akaun Duti Import

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 26 Puan Syazrina, pemilik Syashaz Sdn. Bhd. telah membayar premium insurans tahunan kedainya pada 1 Mac 2019 berjumlah RM 2 400. Tempoh perakaunan Syashaz Sdn. Bhd. berakhir 31 Disember 2019.

Catatan manakah yang betul dalam Penyata Kewangan bagi tahun 2019?

	Akaun Perdagangan dan Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Insurans RM2 000	Insurans prabayar RM400
B	Insurans prabayar RM400	Insurans RM2 000
C	Insurans RM400	Insurans prabayar RM2 000
D	Insurans prabayar RM2 000	Insurans RM400

- 27 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Kedai Bumba Chacha.

Kedai Bumba Chacha Imbangan Duga pada 31 Disember 2019		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	8 500	
Peruntukan Hutang Ragu		250
Hutang Lapuk	500	
Hutang Lapuk Terpulih		450

Maklumat Tambahan:

Peruntukan hutang ragu yang diselaraskan kepada 7% atas Akaun Belum Terima Bersih.

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu yang dicatatkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019?

- A RM310
- B RM345
- C RM450
- D RM595

[Lihat halaman sebelah

SULIT